

11 JAN 1998

SETIAUSAHA PERTAHANAN AMERIKA BERTEMU DENGAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat William Cohen hari ini bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menyatakan sokongan Washington kepada Malaysia dalam mengatasi kemelut ekonomi yang dihadapi negara sekarang ini.

Pertemuan itu diadakan di Hotel Palace of The Golden Horses di Mines Resort City di sini, iaitu tempat Dialog Pasifik Keempat berlangsung bermula esok.

Dialog dua hari itu merupakan pertemuan tahunan pakar-pakar ekonomi dan keselamatan terkemuka serantau.

Anwar dan Cohen akan menyertai dialog itu yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Cohen yang akan berceramah mengenai keselamatan serantau dan kerjasama keselamatan di dialog itu, tiba di sini, hari ini. Persinggahan beliau di sini merupakan sebahagian daripada aturcara lawatan 11 hari yang akan turut membawanya ke Indonesia, Singapura, Thailand, China, Jepun dan Korea Selatan.

Dialog Asia Pasifik itu dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Pusat Dasar Asia-Pasifik (APPC) Washington dan Institut Penyelidikan Dasar.

Semasa lawatan tiga hari ke sini, Cohen dijangka membuat kunjungan hormat terhadap Dr Mahathir dan mengadakan perbincangan dengan Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar. -- BERNAMA

ES PR